

ISNIN, 15 MAC, 1982

## SEMANGAT BARU MUSABAQAH AL-QURAN

RENCANA PENGARANG

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

JIKA Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahukan sebuah Kerajaan yang cekap, bersih dan licin kerana sifat-sifat ini adalah penting bagi memastikan cita-cita kita untuk membina sebuah masyarakat yang adil maju dan bahagia, ternyata seruan beliau supaya rakyat bersifat berani, cekap dan bersih itu timbul dari hasrat dan matlamat yang sama. Dalam menjayakan program pembangunan negara yang menyeluruh itu tentulah sumbangan yang paling besar harus datang dari rakyat. Kerajaan dan pemimpin-pemimpinnya boleh menetapkan dasar dan matlamat pembangunan, boleh mengadakan berbagai bantuan dan kemudahan untuk mempercepat pelaksanaannya, tetapi pada hakikatnya yang berkemampuan menukar keadaan masyarakat dari mundur ke maju, dari miskin ke mewah atau dari cara lain ke cara Islam tentulah masyarakat itu sendiri sahaja.

Oleh yang demikian menanamkan

semangat berdisiplin dan kesungguhan bekerja — tema musabaqah membaca Al-Quran tahun ini — ke dalam jiwa setiap umat Islam di negara ini dan di luar negeri amatlah menepati ketikanya. Keperluan untuk mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat, terutama umat Islam, di negara ini masih ketara. Keperluan untuk membimbing masyarakat ke Jalan Islam juga sentiasa wujud. Usaha dan tenaga Kerajaan sahaja tidak akan dapat memenuhi semua keperluan ini. Jadi sumbangan masyarakat adalah amat penting. Dan oleh kerana satu faktor penting yang boleh menggerakkan individu itu ialah sikap dan nilainya maka dengan penekanan yang lebih serius terhadap disiplin diri dan kesungguhan bekerja maka kita harap bukan sahaja rakyat akan meningkatkan usaha mereka dengan berkesan malah akan lebih menyedari tanggungjawab mereka terhadap kemajuan orang-orang lain, masyarakat dan

agama Islam sendiri.

Selaras dengan temanya yang lebih luas dan bermakna maka wajarlah pula majlis musabaqah yang telah telah mencapai usia 25 tahun itu — 24 tahun di peringkat antarabangsa — diberikan bentuk baru bagi mewujudkan suasana yang lebih sesuai dan kesan yang lebih mendalam kepada masyarakat Islam di dalam dan di luar negeri. Walaupun majlis ini telah mendapatkan sambutan yang baik dan meskipun acara menghafaz Al-Quran juga telah ditambah kepadanya, namun ternyata selain membaca pemahaman dan penghayatan kandungan dan segala ajaran dari kitab suci itu juga memerlukan kemahiran menterjemah dan mentafsir yang sempurna. Eloklah perkara-perkara ini juga turut diberikan perhatian supaya acara tahunan musabaqah yang telah menerima sanjungan tinggi dari seluruh dunia Islam ini akan lebih berfungsi, bermakna dan berfaedah.